



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

STATISTIK UTAMA TENAGA BURUH, MALAYSIA, SUKU PERTAMA (S1) 2020

www.dasm.gov.my

STATISTIK UTAMA TENAGA BURUH, MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA (ST1) 2020

PENDUDUK UMUR BEKERJA DI MALAYSIA



ST1 2020 : 22.95 juta
ST4 2019 : 22.83 juta

TENAGA BURUH (juta)

ST1 2020	15.79	9.63	6.16
ST4 2019	15.77	9.59	6.18

BEKERJA (juta)

ST1 2020	15.24	9.29	5.95
ST4 2019	15.25	9.29	5.96

Tenaga buruh meningkat sebanyak **0.1 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya. Pasaran tenaga buruh masih stabil pada suku ini memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020.

Penduduk bekerja menurun sebanyak **0.1 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya. Antara industri yang mula terjejas adalah industri penginapan, aktiviti perkhidmatan makanan & minuman dan kesenian, hiburan & rekreasi.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (peratus)

ST4 2019	69.1	ST1 2020	68.8
	81.1		56.1
	80.8		55.8


LUAR TENAGA BURUH (juta)

ST4 2019	7.07	ST1 2020	7.16
----------	------	----------	------

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada suku pertama 2020 menurun sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **68.8 peratus** berbanding pada suku tahun keempat 2019.

Luar tenaga buruh meningkat sebanyak **1.4 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya.

PENGANGGURAN




Kadar pengangguran (KP) meningkat sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **3.5 peratus** pada suku tahun pertama 2020. Ini berikutan daripada kadar pengangguran yang meningkat kepada 3.9 peratus pada Mac 2020, mencerminkan kesan negatif susulan PKP.

Penganggur bagi kumpulan umur belia 15-30 tahun mencatatkan kadar pengangguran tertinggi iaitu **6.9 peratus** diikuti 31-45 tahun (1.4%) dan 46-64 tahun (1.1%) pada suku pertama 2020



STATISTIK UTAMA TENAGA BURUH, MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA (ST1) 2020


TEMPOH MENGANGGUR BAGI PENGANGGUR AKTIF



Pada suku tahun pertama 2020, **44.6 peratus** daripada **356.8 ribu orang** penganggur aktif telah memperoleh pekerjaan dalam tempoh kurang daripada 3 bulan.


PROFIL PENDUDUK BEKERJA

PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT PENCAPAIAN PENDIDIKAN




Majoriti penduduk bekerja adalah berpendidikan **menengah (56.0%)** dan kumpulan ini mencatatkan peningkatan sebanyak **0.7 peratus** pada suku pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya.

PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT TAHAP KEMAHIRAN




Penduduk bekerja bagi kategori **separuh mahir** mendominasi pasaran buruh (**59.3%**) dan mencatatkan peningkatan sebanyak **0.4 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya.

PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT KUMPULAN UMUR



Kebanyakan penduduk bekerja adalah berada di dalam kumpulan umur **25-34 tahun** dan mencatatkan penurunan sebanyak **0.6 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya.


PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT TARAF PEKERJAAN



Penduduk bekerja berstatus **pekerja** mendominasi pasaran buruh dan kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak **1.7 peratus** pada suku tahun pertama 2020 berbanding suku tahun sebelumnya.

TENAGA BURUH DI MALAYSIA

Paparan 2: Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Pertama (ST1) 2019, Suku Keempat (ST4) 2019 & Suku Pertama (ST1) 2020



Indikator Utama	ST1 2019		ST4 2019		ST1 2020	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Tenaga buruh ('000)	9,469.5	6,057.3	9,589.2	6,177.5	9,625.5	6,164.6
Bekerja ('000)	9,149.6	5,860.5	9,290.8	5,963.7	9,294.5	5,949.0
Luar tenaga buruh ('000)	2,241.5	4,822.7	2,233.3	4,832.8	2,280.7	4,882.5
Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	80.9	55.7	81.1	56.1	80.8	55.8
Nisbah guna tenaga kepada penduduk (%)	78.1	53.9	78.6	54.2	78.1	53.9

Kadar pengangguran (3.5%) tertinggi sejak suku kedua tahun 2017

Tenaga buruh dan penduduk bekerja di Malaysia masing-masing mencatatkan pertumbuhan 1.7 peratus dan 1.6 peratus kepada 15.79 juta orang dan 15.24 juta orang berbanding suku pertama 2019.

Perbandingan suku tahun ke suku tahun pula menunjukkan tenaga buruh meningkat dengan kadar yang perlahan 0.1 peratus manakala penduduk bekerja turun


0.1 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada suku tahun ini turun 0.3 mata peratus kepada 68.8 peratus berbanding suku keempat 2019. Manakala penduduk dalam kumpulan umur bekerja yang berada di luar tenaga buruh adalah 31.2 peratus.

Kadar pengangguran meningkat kepada 3.5 peratus berbanding 3.2 peratus pada suku keempat 2019 berikutan daripada kadar pengangguran yang meningkat pada bulan Mac 2020. Kadar pengangguran yang tinggi pada Mac dipengaruhi oleh impak negatif Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas pasaran buruh.

Bilangan penganggur dianggarkan seramai 546.6 ribu orang, naik 5.8 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas. Peningkatan kadar pengangguran boleh dikaitkan dengan kesan negatif yang disebabkan oleh PKP. (Paparannya 2)

KPTB perempuan turun 0.3 mata peratus kepada 55.8 peratus

Paparan 3: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur, Malaysia, Suku Keempat (ST4) 2019 & Suku Pertama (ST1) 2020




KPTB perempuan pada suku pertama 2020 adalah 55.8 peratus di peringkat nasional, turun 0.3 mata peratus berbanding suku tahun sebelumnya. KPTB perempuan tertinggi dalam pasaran buruh adalah bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun (75.4%) diikuti 35 hingga 44 tahun (68.4%) dan 45 hingga 54 tahun (58.5%).

KPTB lelaki pula menurun 0.3 mata peratus kepada 80.8 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Kumpulan umur yang mencatatkan KPTB lelaki tertinggi adalah 35 hingga 44 tahun (97.5%) diikuti 25 hingga 34 tahun (95.5%) dan 45 hingga 54 tahun (94.7%). (Paparannya 3)

Nisbah guna tenaga kepada penduduk di Malaysia bagi lelaki menurun 0.5 mata peratus kepada 78.1 peratus dan bagi perempuan pula menurun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 53.9 peratus berbanding pada suku tahun keempat 2019. (Jadual 1)

Perempuan mewakili 39.0 peratus daripada tenaga buruh

**Paparan 4: Tenaga Buruh Mengikut Jantina, Malaysia, Suku Keempat (ST4)
2019 & Suku Pertama (ST1) 2020**



Pada suku pertama 2020, tenaga buruh terdiri daripada 61.0 peratus lelaki (9.63 juta) dan 39.0 peratus perempuan (6.16 juta). Bilangan tenaga buruh bagi lelaki meningkat sebanyak 36,303 orang manakala perempuan pula menurun sebanyak 12,888 orang berbanding suku keempat 2019.

Maklumat terperinci dan nota teknikal diterbitkan dalam Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Tahun Kedua 2019. Laporan ini boleh diakses dan dimuat turun secara percuma melalui aplikasi [eStatistik](#) di laman web Jabatan Perangkaan Malaysia, www.dosm.gov.my.

Dikeluarkan Oleh:

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
8 Mei 2020

Pegawai dihubungi:

Mohd Yusrizal bin Ab. Razak
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa
Jabatan Perangkaan Malaysia
Tel : +603-8885 7942
Faks : +603-8888 9248
E-mel : [yusrizal.razak\[at\]dosm.gov.my](mailto:yusrizal.razak[at]dosm.gov.my)